

# Biasiswa bagi sukan berkuda

(M)

11 OCT 1992

KUALA LUMPUR. Kerajaan dan sektor swasta akan menawarkan biasiswa serta bantuan kewangan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat menyertai sukan berkuda di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pemberian biasiswa dan bantuan kewangan perlu dilaksanakan bagi bakat baru yang berkebolehan tetapi tidak berkemampuan kerana sukan berkuda memerlukan perbelanjaan besar.

Katanya, kerajaan berharap firma besar akan memberi biasiswa dan bantuan kewangan supaya mereka yang berbakat tetapi tidak mampu dapat mengambil bahagian, termasuk di peringkat antarabangsa.

"Ini boleh dibuat bukan saja oleh kerajaan tetapi

swasta, sama seperti tajajaan yang diberikan dalam sukan lain," katanya merasmikan Majlis Ekuin Malaysia dan Bukit Kiara Equestrian and Country Resort di sini, semalam.

Dr Mahathir menjelaskan, anggapan bahawa sukan berkuda hanya untuk golongan berada tidak lagi benar dan perlu dikedir kerana ia adalah bidang yang boleh dicuba oleh semua lapisan masyarakat.

Katanya, masyarakat segenap lapisan harus mengambil peluang daripada kemudahan yang disediakan bagi meningkatkan sukan berkuda.

"Pembabitan rakyat dalam sukan berkuda juga akan memberi peluang kepada Malaysia untuk mencatat nama di peringkat negara dan antarabangsa. Oleh kerana sukan berkuda tidak

memerlukan tubuh yang besar dan tinggi, kemungkinan orang Malaysia mencapai kecemerlangan dalam sukan ini adalah cerah," katanya.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan Majlis Ekuin Malaysia yang akan mengendalikan perkembangan dan penyelarasan semua bentuk sukan berkuda juga dapat meningkatkan lagi sambutan terhadap sukan itu.

Beliau berkata, langkah Bukit Kiara Equestrian and Country Resort menganjurkan pertunjukan dan siri kejohanan sukan berkuda adalah daya usaha yang harus dipuji dan dicontohi oleh pusat rekreasi lain.

"Melalui sukan ini, ia bukan saja memperkenalkan sukan berkuda Bukit Kiara Equestrian and Country Resor! tetapi juga dapat memperli-

hatkan cara menunggang kuda yang belum ada di Malaysia," katanya.

Menjelaskan kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, walaupun sukan berkuda tidak dipertandingkan dalam Sukan Komanwel di sini pada 1998, latihan dan persediaannya dapat memberi peluang kepada Malaysia menyertainya di luar negara.

• Sementara itu, Pengerusi Penaja Majlis Ekuin Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia perlu meningkatkan mutu sukan berkuda di negara ini sebagai sukan yang berpotensi dan berdaya maju.

Katanya, usaha berprestij-sungguh pasti dapat meletakkan nama Malaysia dalam arena pertandingan sukan berkuda peringkat antarabangsa.